



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KE 48

PADA

6 OKTOBER 2020 (SELASA)

TEMPAT

TANJUNG BIDARA BEACH RESORT
MELAKA

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

YB Dato' Rosol Bin Wahid

Timbalan Menteri

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad

Ketua Setiausaha

YBrs. Dr. Alauddin Bin Sidal

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)

YBrs. Tuan Mohamed Zahari Razali

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)

YBhg. Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman

Pengarah Penguat Kuasa

Ketua-Ketua Agensi,

Pengarah-Pengarah Sektor dan Bahagian,

Pengarah-Pengarah Negeri,

Ketua-Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri,

Pegawai-pegawai Kanan Penguat Kuasa,

Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

PENDAHULUAN

1. Saya bersyukur kerana kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan **Sambutan Hari Penguat Kuasa ke 48** di Tanjung Bidara Beach Resort pada tahun ini.
2. Sambutan kali ini merupakan satu sejarah buat diri saya dimana ini merupakan kali pertama majlis ini disambut dan dirai bersama saya selaku menterinya dan juga sejarah buat Bahagian Penguat Kuasa kerana disambut agak lewat seperti kebiasaan tahun-tahun yang lalu ekoran daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan kita masih lagi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020.
3. Dalam kita menyambut dan berkumpul pada pagi ini, langkah-langkah pencegahan harus sentiasa diamalkan sepertimana SOP yang ditetapkan demi menjaga keselamatan buat kita semua.
4. Saya difahamkan tema Sambutan Hari Penguat Kuasa pada tahun ini adalah **Pantas, Cekap dan Efektif**.

Sesuai dengan hasrat kita untuk menjadikan fungsi dan perkhidmatan yang akan diberikan oleh penguatkuasaan KPDNHEP terus relevan dalam arus perdana untuk memastikan inspirasi "kepimpinan atasan negara" serta "hasrat rakyat" dapat kita realisasikan bersama.

5. Sebelum meneruskan ucapan, terlebih dahulu saya bersyukur kerana diberikan mandat dan tanggungjawab untuk menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama-sama dengan YB Timbalan Menteri serta YBhg. KSU pada 10 Mac 2020 bagi mengerakkan perdagangan domestik utama yang berdaya saing, progresif dan mampan serta memperkasakan pengguna.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar, bukan sahaja negara kita, malah seluruh dunia apabila berlakunya pandemik COVID-19 yang telah menggugat aktiviti ekonomi dunia serta cabaran kebiasaan baharu dan norma baharu dalam tugas dan kehidupan harian.
7. Dari awal tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), anggota penguat kuasa memainkan peranan yang penting

terutamanya ketika berlakunya '*panic buying*' dikalangan pengguna. Peranan serta tanggungjawab pegawai dan anggota penguat kuasa sangat penting dalam memastikan bekalan barangan keperluan asas rakyat sentiasa mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan disamping memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dalam situasi getir ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pada masa kini, dengan mengambil kira faktor keselamatan diri dalam situasi negara berdepan dengan pandemik COVID-19, perdagangan atas talian menjadi pilihan utama pengguna untuk membeli barangan keperluan. Ini merupakan antara cabaran-cabaran baru yang perlu dihadapi oleh warga penguat kuasa dalam tugas harian. Adalah menjadi tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan untuk merangka strategi baharu bagi tindakan pencegahan dan penguatkuasaan atas pertambahan aduan terutamanya berkaitan jenayah perdagangan dalam talian.
9. Kepelbagaian latar belakang pegawai penguat kuasa merupakan satu aset yang perlu diterjemahkan dalam bentuk tugas penguatkuasaan. Bahagian Penguat Kuasa

perlu meneroka bidang kepakaran baru yang berkaitan dengan tugas hakiki agar seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Contohnya budaya hidup masyarakat dan peniaga yang telah beralih kepada urusanniaga perdagangan elektronik yang menggunakan aplikasi dan laman sesawang sebagai platform jual beli. Justeru itu, perlu ada pegawai yang pakar untuk menjalankan siasatan dan pemantauan ke atas aktiviti perdagangan elektronik.

10. Ingin juga saya nyatakan bahawa gerak kerja warga penguat kuasa perlu seiring dengan perkembangan teknologi, perubahan platform dari analog kepada sistem digital dan menjadikan data sebagai kekuatan baru kementerian.
11. Tidaklah keterlaluan untuk saya nyatakan di sini bahawa fungsi Bahagian Penguat Kuasa merupakan **tunjang dan tulang belakang kepada Kementerian**. Tambahan pula, anggota penguat kuasa merupakan warga yang paling ramai di KPDNHEP dan taat setia tuan-tuan dan puan-puan akan kekal hingga ke hujung persaraan memandangkan skim perkhidmatan pegawai penguat kuasa adalah "*close services*". KPDNHEP merupakan rumah tetap yang akan didiami oleh tuan-tuan dan puan-puan dari awal hinggalah

ke akhir perkhidmatan.

12. Semoga kita dapat meneruskan usaha untuk meningkatkan lagi prestasi kerja dan menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan.
13. Hari Penguat Kuasa disambut pada 17 April setiap tahun dan pada tahun ini genaplah 48 tahun usia Bahagian Penguat Kuasa. Bermula dari 12 orang anggota pada tahun 1972, kini keanggotaan Bahagian Penguat Kuasa sudah mencapai seramai 2,274 pegawai di seluruh negara. Bermula dari Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Kawalan Bekalan 1961, kini Bahagian Penguat Kuasa mempunyai 12 akta yang sedang dikuatkuasakan. Banyak transformasi yang sudah berlaku dalam tempoh 48 tahun ini. Namun, saya lihat semuanya telah berjaya diharungi dan hasilnya kita boleh lihat sendiri di depan mata pada hari ini. Kepimpinan tertinggi kerajaan termasuklah YAB Perdana Menteri dan Jemaah Menteri sendiri telah mula menghargai sumbangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
14. Syabas juga saya ucapkan kepada seluruh warga penguat kuasa kerana mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memperkasakan dan mempertingkatkan tindakan-tindakan penguatkuasaan. Jelas sebentar tadi seperti yang

telah dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Iskandar dalam ucapannya, antara kes-kes yang menaikkan nama Bahagian Penguat Kuasa dan KPDNHEP khususnya iaitu kes berprofil tinggi melibatkan aktiviti skim piramid, penyelewengan barang kawalan, cetak rompak dan barang tiruan melalui Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

15. Kes berprofil tinggi melibatkan aktiviti skim piramid oleh syarikat Monospace (M) Sdn Bhd telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak 10 Juta. Manakala 2 kes lagi pada tahun 2020 yang berjaya dilucuthak wang tunai adalah kes penyelewengan barang kawalan LPG sebanyak RM70 ribu dan satu lagi urusan salah laku skim piramid sebanyak RM613 ribu.
16. Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi kepada warga Bahagian Penguat Kuasa atas kejayaan yang membanggakan ini dan telah mengekang dan menyelamatkan rakyat Malaysia dari menjadi mangsa penipuan skim tersebut.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. Sepertimana yang saya jelaskan pada hari pertama saya ditugaskan di KPDNHEP, saya ingin mengekalkan dasar sedia ada yang telah berfungsi dengan baik. Namun, saya ingin menekankan kepentingan berinovasi dan beradaptasi kepada keperluan semasa. Kita masih mempunyai banyak peluang untuk memperbaiki kekurangan dan memperkenalkan perubahan yang bermanfaat kepada negara dan rakyat.

18. Selaras dengan visi KPDNHEP untuk menjadi kementerian peneraju dalam merencanakan perdagangan domestik negara, saya mempunyai harapan tinggi pada semua warga Kementerian terutama tuan-tuan dan puan-puan warga penguat kuasa untuk bersama-sama saya merealisasikan hasrat ini. Saya mahu agar warga penguat kuasa sentiasa bersemangat tinggi, sentiasa bersedia bertugas tanpa mengira masa dan keadaan, komited dan sentiasa bersedia untuk menggalas cabaran mendatang. Saya juga mahu *esprit de corps* yang ada dalam diri warga penguat kuasa sentiasa segar sepanjang masa. Tugas harus dilaksanakan secara pantas, cekap dan efektif.

19. Pada kesempatan ini, saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya **pertingkatkan integriti, jauhi rasuah dan elak penyalahgunaan kuasa**. Saya dan kepimpinan tertinggi KPDNHEP tidak akan berkompromi tentang salah laku integriti khususnya penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Jika sesiapa didapati melakukan kesalahan, saya tegaskan di sini *“you are on your own, the law will take care of you”*.
20. Saya juga menyeru tuan-tuan dan puan-puan agar terus memupuk azam dan tekad mempertingkatkan usaha membawa imej penguat kuasa KPDNHEP ke persada yang dihormati lagi dikagumi. Demi aspirasi kepimpinan negara dan hasrat rakyat kepada kita, saya sentiasa bersedia berkhidmat bersama tuan-tuan dan puan-puan, mengangkat kredibiliti dan martabat penguat kuasa KPDNHEP sebagai sebuah pasukan penguatkuasaan yang terbaik di Malaysia.
21. Saya selaku Menteri amat berpuas hati dengan kerjasama serta komitmen yang tinggi dari semua warga kerja Bahagian Penguat Kuasa dalam membantu KPDNHEP merangka dasar dan strategi untuk kepentingan rakyat. Saya percaya sumbangan yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan diteruskan di masa hadapan.

22. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Bersara kepada Puan Low Swee Hon selaku Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) yang akan bersara wajib pada 8 Oktober 2020 dan disusuli dengan YBhg. Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman pada hujung tahun 2020. Bahagian Penguat Kuasa dan Kementerian khususnya amat bertuah atas kepimpinan dua butir permata ini. Harapan saya agar contoh tauladan yang baik dan segala usaha yang dimulakan harus diteruskan oleh barisan pelapis yang mengambil alih tugas kelak.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

23. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri KSU dan YBhg. Dato' Pengarah Penguat Kuasa khususnya dan seluruh warga penguat kuasa KPDNHEP yang sudi menjemput saya pada majlis yang penuh bermakna ini.

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, marilah kita sama-sama meningkatkan azam, komitmen, disiplin dan dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawab kita selaku penjawat awam khususnya pegawai-pegawai penguat kuasa kepada rakyat, kerajaan dan negara tercinta.

25. Sekali lagi saya dengan ini ingin mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT HARI PENGUAT KUASA KE 48 TAHUN 2020** kepada semua warga penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara.

Sekian dan terima kasih.